

SIARAN AKHBAR

16 Februari 2012
CBMR-5-RFI-01-SID2012-V1
UNTUK SIARAN SEGERA

TERAPAN NILAI SERTA ETIKA BERINTERNET SECARA POSITIF MELALUI ‘SAFER INTERNET DAY 2012’

CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama rakan bestarinya terus mempergiatkan aktiviti bagi memupuk kesedaran pengguna internet mengenai kepentingan keselamatan siber dan kesejahteraan.

(IPOH, Perak) - Pada tahun ini, sekali lagi sambutan ‘Safer Internet Day’ dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia yang merupakan salah sebuah agensi di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sambutan tahunan program keselamatan siber dan kesejahteraan internet ini mula diperkenalkan oleh CyberSecurity Malaysia pada tahun 2009 dan pada kali ini, ia merupakan sambutan ke-tiga yang diadakan buat kali pertama di luar Kuala Lumpur, iaitu di Bandaraya Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

‘Safer Internet Day’ atau ringkasnya SID merupakan satu inisiatif pertubuhan antarabangsa yang dikenali sebagai “INSAFE”, satu badan yang berpengkalan di Belgium, Eropah. Ianya disambut pada hari kedua, dalam minggu kedua pada bulan kedua setiap tahun dan diilhamkan bagi memupuk serta meningkatkan kesedaran pengguna internet mengenai kepentingan keselamatan siber dan kesejahteraan internet, di samping mempromosi nilai dan etika serta penggunaan internet dengan lebih bertanggungjawab. Tahun ini merupakan tahun kesembilan ia disambut.

Sambutan SID di Ipoh disempurnakan oleh YB Dato’ Mohd Zahir Abdul Khalid, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, ICT, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi, Negeri Perak Darul Ridzuan. Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah Lt Col (B) Prof Dato’ Husin Jazri, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Menurut Dato’ Mohd Zahir “Kerajaan Negeri Perak amat mengalu-alukan inisiatif seumpama ini kerana ianya menepati wawasan Kerajaan untuk menjadikan Negeri Perak sebagai sebuah bandaraya digital berlandaskan perlaksanaan konsep ‘securing digital city’. Oleh demikian, rakyat Negeri Perak khususnya harus mengambil peluang ini untuk mempelajari cara-cara menggunakan internet dengan lebih beretika dan positif.”

Program SID yang diadakan pada tahun ini bertemakan **Menghubungkan Generasi** atau ‘Connecting Generations’. Tema ini dipilih berdasarkan kepada keupayaan capaian digital serta aplikasi internet yang menjangkau sempadan dan melewati pelbagai peringkat usia dan generasi.

“Setiap pengguna internet mempunyai pengalaman yang berbeza sewaktu melayari internet dan apa juar yang mereka lakukan di alam siber samada melalui penggunaan internet dan aplikasinya, mereka harus mengutamakan keselamatan diri serta maklumat yang disimpan atau yang terdapat di dalam komputer mereka. Mereka harus meletakkan ciri keselamatan sebagai perkara utama supaya mereka terhindar dari menjadi mangsa penjenayah siber.” Kata Lt Col Prof Dato’ Husin Jazri.

Pada tahun 2011, sejumlah 15,218 insiden keselamatan siber telah dilaporkan oleh pengguna internet di seluruh Malaysia ke Pusat Bantuan Cyber999 CyberSecurity Malaysia. Angka ini meningkat sebanyak 88% berbanding tahun 2010 yang mencatatkan sebanyak 8,090 insiden. Pada bulan Januari 2012, jumlah insiden yang dilaporkan adalah sebanyak 954.

Menurut Lt Col Prof Dato’ Husin lagi, insiden keselamatan siber di Malaysia boleh meningkat dan mencecah satu tahap yang membahayakan sekiranya langkah-langkah awal tidak diambil oleh semua pihak. Justeru, initiatif seperti SID diadakan sebagai salah satu langkah awal untuk terus memupuk dan membina kesedaran pengguna internet akan kepentingan keselamatan siber dan kesejahteraan internet. Katanya lagi, Kerajaan menggalakkan orangramai menggunakan internet untuk semua urusan sehari-hari kerana ianya banyak memberi faedah, namun orangramai perlu memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan mengenai keselamatan internet.

Program SID yang diadakan di Ipoh berlangsung selama dua hari bermula dari 15 Februari hingga 16 Februari 2012. Pelbagai aktiviti menarik disusun sepanjang program ini, antaranya CyberSAFE Self Defence Challenge Cup yang diadakan bersama pelajar UTAR Kampar, Program Boot Camp yang dikendalikan oleh Yahoo! syarikat media digital perdana, DIGI Telecommunication dan ESET bersama pelajar-pelajar sekolah di sekitar Bandaraya Ipoh, dan juga Securing Digital City Challenge.

SID disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga rakan-rakan kerjasama bestari seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, K-Perak Inc Corporation, Yahoo!, DiGi Telecommunications, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), and juga ESET.

~ Tamat ~

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. Follow us on social networks: [www.facebook.com](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia) (“CyberSecurity Malaysia” fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

*For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999,
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my / Sandra Isnaji (ext: 0867) or
sandra@cybersecurity.my*